

Berbasikal: Ju Pha menang perak lagi »36

SUKAN SEA KE-29

KUALA LUMPUR 2017

19-30 OGOS 2017

sukan@utusan.com.my
UTUSAN MALAYSIA • KHAMIS • 24.08.2017

RATU GIMNASTIK SELAMAT MARUAH NEGARA »36

Karate: Syakilla tahu kelemahan lawan »37

Hafiz berlari dalam kesakitan

JACKIE, HAKIMI PECAH REKOD




Saya juga perlu berterima kasih kepada pesaing saya kerana jika mereka tidak memberikan tekanan kepada saya tentu saya sukar membuat balingan dengan jarak lebih jauh."

JACKIE WONG
Atlet baling tukul besi



JACKIE WONG meraikan kejayaannya memenangi pingat emas baling tukul besi di Stadium Nasional, Bukit Jalil semalam. - UTUSAN/HAFIZ JOHARI



MUHAMMAD HAKIMI ISMAIL bergaya bersama catatan rekod baharu lompat kijang di Stadium Nasional, Bukit Jalil malam tadi.

■ KUALA LUMPUR 23 OGOS

HARAPAN untuk menyaksikan Khairul Hafiz Jantan menyempurnakan statusnya sebagai manusia terpanas di Asia Tenggara tidak kesampaian apabila dia tewas dalam acara 200m malam tadi setelah berlari dalam keadaan dirinya cedera.

Bagaimanapun kem olahraga negara tetap ceria apabila mengutip empat pingat emas hari ini, termasuk menerusi Jackie Wong dan Muhammad Hakimi Ismail memperbaharui rekod Sukan SEA dalam laluan masing-masing untuk memenangi pingat emas baling tukul besi dan lompat kijang di Stadium Nasional, Bukit Jalil.

Gelanggang olahraga turut menyaksikan kontinjen negara mencipta kejutan menerusi Elena Goh yang tidak diletakkan harapan tetapi memenangi acara jalan kaki 10,000m pada hari Malaysia menang 10 emas.

Khairul Hafiz, yang bermula di lorong ketiga jelas berlari dalam keadaan tidak selesa, ketinggalan sejak awal, berada di tempat ketiga kira-kira 20m dari garisan penamat sebelum dipintas rakan senegara

Gunasegaran Thevarr yang meraih gangsa dengan masa 21.26s.

Atlet Filipina, Anthony Beram meraih emas dalam masa 20.84s manakala Jirapong Meenapra menghuni tempat kedua dengan masa 21.22s. Khairul Hafiz pula mencipta masa 21.28s, jauh daripada catatan terbaiknya 20.09s ketika memperbaharui rekod kebangsaan milik Tan Sri Dr. M. Jegathesan dalam Terbuka Malaysia bulan lalu. Khairul Hafiz terjatuh dan terseret di garisan penamat 100m ketika meraikan kejayaannya semalam, menyebabkan dia cedera di bahu dan kaki.

Bintang pecut berusia 19 tahun dari Melaka itu bagaimanapun masih berpeluang untuk menambah pingat dalam Sukan SEA pertamanya menerusi acara 4x100m dan berkemungkinan tersenarai dalam kuartet 4x400m.

Jackie pula mengembalikan keunggulan atlet olahraga negara dalam acara baling tukul besi selepas 16 tahun dan dia melakukannya dengan begitu

FAKTA 65.90

Meter dicatatkan oleh Jackie Wong menerusi percubaan keempat



bergaya apabila memperbaharui rekod temasya dan rekod kebangsaan.

Balingan 65.90m yang dilakukan menerusi percubaan keempatnya meleburkan rekod lama 65.63m milik Caleb Stuart dari Filipina yang dilakukan pada 2015 di Singapura serta rekod kebangsaan 65.34m yang dilakukannya dalam Terbuka Korea Selatan pada Jun.

"Saya juga perlu berterima kasih kepada pesaing saya kerana jika mereka tidak memberikan tekanan kepada saya tentu saya sukar membuat balingan dengan jarak lebih jauh," katanya.

Malaysia sebelum ini menguasai acara baling tukul besi, namun terpaksa berputih mata sejak ketiadaan Wong Tee Kue yang kali terakhir memenangnya pada 2001 di ibu negara.

Muhammad Hakimi pula memperbaharui rekodnya sendiri yang dilakukan dua tahun lalu ketika menang lompat kijang dalam temasya di Singapura apabila melakukan lompatan 16.77m, 0.01m lebih baik daripada rekod lama.

Sementara itu Elena Goh mencipta kejutan apabila memenangi pingat emas 10,000m jalan kaki dalam masa 52 minit, 21.50 saat sekali gus pingat emas pertama negara dari acara itu dalam tempoh 18 tahun selepas Yuan Yufang melakukannya pada 1999 di Brunei.

Satu lagi rekod temasya tercipta dalam acara renang 200m gaya bebas di Pusat Akuatik Nasional yang terletak bersebelahan apabila Welson Sim disaing sengit sebelum memenangi acara kegemarannya itu dengan catatan satu minit, 47.79 saat.

Ini merupakan emas kedua dimenangi Welson, yang turut memecahkan rekod Sukan SEA ketika memenangi 400m gaya bebas.

ELENA GOH mencipta kejutan apabila memenangi pingat jalan kaki 10,000m semalam.



KHAIRUL HAFIZ JANTAN (kanan) berterima kasih kepada penyokong walaupun tewas kepada Anthony Beram (kiri) dalam acara 200m malam tadi.